

Cuepacs perlu perjelas tujuan periksa kesihatan mandatori

UM 3 1 DEC 2001

KUALA LUMPUR 30 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) perlu menjelaskan tujuan sebenar cadangan supaya diadakan pemeriksaan perubatan mandatori terhadap semua kakitangan awam yang mencapai umur 40 tahun.

Perdana Menteri berkata, penjelasan perlu dibuat untuk mengelakkan kerajaan mengambil tindakan yang tidak diinginkan termasuk memberhentikan kakitangan yang didapati tidak melepasi tahap kesihatan yang ditetapkan.

“Kita mahu tahu adakah (cadangan) ini bermakna yang kita berhentikan mereka yang tidak sihat.

“Kalau kita hendak periksa, tentulah yang sihat boleh bekerja manakala yang tidak sihat tidak payah bekerja (jadi) tidak tahulah sama ada itu yang dia (Cuepacs) hendak,” kata Perdana Menteri.

Mencapai

Dr. Mahathir bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis rumah terbuka Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, di sini hari ini.

Turut hadir ialah isteri beliau, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ah.

Perdana Menteri mengulas cadangan Presiden Cuepacs, Datuk N. Siva Subramaniam semalam supaya kerajaan melaksanakan pemeriksaan kesihatan mandatori bagi 900,000 kakitangannya yang mencapai umur 40 tahun berikutan laporan bahawa hampir 40 peratus rakyat Malaysia menghadapi masalah diabetes dan jantung.

Menurut Siva, syarat untuk menjalani pemeriksaan kesihatan hanya semasa mula-mula menyertai perkhidmatan seperti yang diamalkan sekarang tidak lagi sesuai dengan keadaan semasa.

Katanya, cadangan yang akan dikemukakannya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam minggu depan diyakini akan diberikan perhatian serius memandangkan jumlah kakitangan awam yang menghadapi penyakit kronik mungkin tinggi.